
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

YFP 321 – Kajian Televisyen

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Berita televisyen berkecenderungan untuk memberikan pemaparan yang tidak seimbang berkaitan sesetengah golongan dalam masyarakat Malaysia. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

2. Huraikan dan bincangkan beserta contoh representasi gender dan ethnisiti dalam komedi situasi ATAU drama televisyen tempatan pilihan anda.

3. Pandangan liberal berpendapat bahawa kandungan televisyen berupaya untuk mempengaruhi audien. Dengan merujuk kepada kajian-kajian mengenai audien bincangkan kenyataan ini.

4. Dalam konteks tempatan, televisyen dilihat oleh pihak pemerintah sebagai sebuah medium yang mampu mengartikulasikan pembentukan Identiti Kebangsaan. Bincangkan kenyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang relevan.

5. Kuiz dan *Game Show* di televisyen adalah dua genre berbentuk hiburan semata-mata. Bincangkan kenyataan ini.